



UCAPAN

YANG BERHORMAT

**DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG KAYA
SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA HAJI MOHD SALLEH**

PEGUAM NEGARA

semasa

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia

Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan
Kedua (II)**

Mengadakan lawatan
ke
Pejabat Peguam Negara

Pada hari

Sabtu, 5 Disember 2015

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia

Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

Kedua (II) berserta rombongan.

Yang Mulia Peguamcara Negara dan semua pegawai-pegawai
kanan Pejabat Peguam Negara yang dikasihi.

Sebagai pembuka kata, mungkin tidak terlambat bagi Pejabat Peguam Negara untuk mengucapkan setinggi-tinggi TAHNIAH di atas kurnia pelantikan Yang Perhormat Pehin selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II. kaola dan seluruh warga Pejabat Peguam Negara dengan tulus ikhlas memanjatkan doa semoga Yang Berhormat Pehin sentiasa diberikan petunjuk dan perlindungan Allah Subhannahu Wata'ala dalam menunaikan tugas dan amanah berat yang diberikan kepada Yang Berhormat Pehin, Amin Amin Amin Ya Rabbal Al'Amin. Seterusnya kaola dan seluruh warga Pejabat Peguam Negara dengan penuh ikhlas sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Pehin meluangkan masa untuk mengadakan lawatan ke Pejabat Peguam Negara pada pagi ini. Lawatan Yang Berhormat Pehin lebih besar ertinya kepada abis kaola, kerana

bagi kaola dan warga Pejabat Peguam Negara. Jabatan Perdana Menteri dan khususnya Yang Berhormat Pehin dapatlah abis kaola anggap sebagai 'indong tempat abis kaola menumpang kasih' sebenarnya dan setentunya akan menyuntik semangat kepada seluruh warga Pejabat Peguam Negara. Jadi, dikesempatan ini jua kaola ingin menyampaikan penghargaan di atas semua sokongan dan perhatian yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Pehin dan Jabatan Perdana Menteri kepada Pejabat Peguam Negara. Kaola sendiri pun memang jua, dari semasa ke semasa, mengadakan pertemuan/perbincangan bersama Yang Berhormat Pehin. Begitu jua halnya dengan Peguamcara Negara dan pegawai-pegawai kanan yang lain bersama SUT dan pegawai kanan di Jabatan Perdana Menteri. Kaola berharap kerjasama rapat di antara Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Peguam Negara akan terus berjalan dengan baik atas dasar faham-memahami, keikhlasan, bantu membantu, nasihat-menasihati semata-mata untuk mencapai kecemerlangan dan untuk kebajikan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita kasihi.

Mengimbas kembali lawatan Yang Berhormat Pehin pada akhir Januari 2011, dari nota kaola, ada beberapa nasihat berguna Yang Berhormat Pehin berikan pada masa itu yang kaola telah sampaikan kepada Ketua-Ketua Bahagian antaranya:

- a) Pegawai-pegawai perlulah 'muhasabah diri' dan pentingkan 'pengisian' (kemahiran, produktiviti, kecekapan dan lain-lain).

Kata-kata yang kaola masih ingat “jangan tinggi-tinggi payau”.

- b) Pegawai-pegawai perlu proaktif dalam meningkatkan produktiviti dan memperbaiki kelambatan/ satu lagi kata-kata yang kaola masih ingat “kalau cuti, fail jangan ikut cuti”.
- c) Perkara-perkara lain termasuklah: Rancangan Penggantian; Pembinaan Kapasiti /Jawatankuasa HRC; KPI.

Alhamdulillah, walaupun dalam pepatah Inggeris “the truth sometimes hurts”, kaola dan Peguamcara Negara, Penolong Peguamcara Negara I dan Penolong Peguamcara Negara II dan Ketua-Ketua Bahagian termasuk Bahagian Pentadbiran dan Kewangan telah mengambil baik nasihat-nasihat tersebut dan mengadakan kajian semula secara berterusan (continuous review). Kaola mengambil kesempatan ini untuk melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai berkecuali dan pegawai-pegawai dan kakitangan termasuk support staff di semua Bahagian yang telah memberikan kerjasama yang padu dan berterusan menuju ke arah pembaikan. Mereka inilah tulang belakang Kaola.

Secara menyeluruh, langkah-langkah pembaikan yang telah diambil merangkumi (namun tidak terhad) dari aspek berikut:

- a) Penstrukturan semula organisasi bertujuan bagi menjelaskan lagi hala tuju, perkembangan kerjaya,

penggunaan sumber tenaga manusia dengan lebih berkesan;

- b) Lantikan Timbalan Ketua Bahagian dan Ketua Unit bagi maksud mengenal pasti potensi dari segi kebolehan dan kepimpinan pegawai dan rancangan penggantian bagi memasti Pejabat Peguam Negara terus mempunyai “capable and experienced team to represent AGC and Brunei Darussalam’s interest as a whole”;
- c) Penelitian berterusan ke atas proses dan prosedur kerja untuk menilai semula tatacara yang boleh mengurangkan kelambatan dan menepati timeline yang terus mencabar dan sistem perjalanan file (file tracking) dan penyerahan tugas sebelum pegawai bercuti dan lain-lain;
- d) Meningkatkan kefahaman, mengeratkan lagi kerjasama dan perkongsian perkembangan undang-undang antara Bahagian-Bahagian di Pejabat Peguam Negara dan dengan Kementerian/Jabatan/Agensi penguatkuasaan. Pendekatan ‘joint approach’ yang digunapakai hari ini telah banyak Berjaya menyelesaikan masalah dengan lebih cepat dan berkesan dan akan terus di amalkan;
- e) Pembinaan kapasiti yang lebih fokus dan strategik oleh Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga

Manusia dipengerusikan oleh Peguamcara Negara, Puan Naimah, ahli-ahlinya terdiri daripada semua Ketua Bahagian;

- f) Meningkatkan langkah proaktif, menggerak dan membantu penggubalan undang-undang yang perlu digubal misalnya berdasarkan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda mengenai tempat terkawal, kes curi dari masjid/salah laku dan salah kuasa penjawat jawatan awam;
- g) Projek teknologi maklumat: AIMS (Information Management System) dan BruLaw;
- h) Juga diberi perhatian penting keseimbangan hidup bekerja 'work life balance', seperti Tabung Kebajikan dan Sukan Pejabat Peguam Negara, acara keugamaan/sukan/hari keluarga bagi merapatkan silaturrahim dan kerja berpasukan (teamwork).

(inisiatif-inisiatif itu akan diterangkan oleh Yang Mulia Puan Naimah, Peguamcara Negara dengan lebih jelas lagi dalam taklimat ringkas beliau).

Yang Berhormat Pehin

Kaola bersyukur dan berbangga akan semua sumbangan dan pencapaian yang telah diberikan oleh semua Bahagian di

PPN: baik dari segi khidmat nasihat (sivil dan antarabangsa) pendakwaan, penggubalan dan penyelidikan, walaupun mengakui memang masih ada keperluan untuk terus menilai dan memperbaiki kelemahan yang ada. Sebelum mengakhiri ucapan kaola, my officers will never forgive me, jika kaola tidak mengambil kesempatan keemasan ini untuk memohon apa jua sokongan dan bantuan Yang Berhormat Pehin mengenai cadangan skim pegawai perundangan yang telah abis kaola hadapkan dan difahamkan “masih dalam pertimbangan dan penelitian”.

Akhirnya kaola ingin menyakinkan bahawa atas sokongan yang berterusan daripada Ketua-Ketua Bahagian dan pegawai-pegawai, abis kaola akan meneruskan perjalanan ke arah mencapai visi Pejabat Peguam Negara “ke arah perkhidmatan perundangan terunggul untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda” dan melaksanakan peranan Pejabat Peguam Negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Seperti jua peringatan Yang Berhormat Pehin semasa pelancaran Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara (2012 – 2017) “Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”. InsyaAllah, kaola telah mengamati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa sambutan Hari Perkhidmatan Awam yang lalu dan kaola akan mengadakan sesi percambahan fikiran

“brainstorming”/dialog bersama pegawai-pegawai yang hadir di sini untuk sama-sama berbincang kearah menepati saranan yang terkandung di dalam Titah tersebut seberapa terdaya.

Dengan bertawakal kepada Allah, sentiasa jujur dan amanah insyaAllah kaola sendiri dan semua warga Pejabat Peguam Negara sentiasa mengalu-alukan apa jua teguran, nasihat dan petua yang berguna daripada Yang Berhormat Pehin sambil terus mengikuti perkembangan dan menilai amalan terbaik (best practices) dari negara-negara yang bersesuaian ke arah memperbaiki mutu perkhidmatan dan mutu produktiviti yang diharapkan.

Sekianlah sahaja dulu daripada kaola.

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته